



Kembara Sutera

2013.09

CRI
中国国际广播电台
CHINA RADIO INTERNATIONAL

Taman Tiantan

Nostalgia Musim Luruh


**Percutian Musim Dingin
di Haerbin**

**Kembara Belanja
di Kota Beijing**

Opera Beijing

Nanluoguxiang

Masjid Guilin





Pesta Kebudayaan Bunga Peoni

Luoyang China



Wacana Dari Tembok Besar

Sedar tak sedar kita sudah hampir tiba ke musim gugur 2013. Sepanjang sembilan bulan ini, pelbagai cabaran yang kita tempuhi atau lalui. Dunia menyaksikan pelbagai pergolakan. Kami di negara tembok besar ini turut menempuh pelbagai dugaan, khususnya yang berkaitan dengan fenomena alam. Tahun ini musim dingin yang amat dingin dan panjang manakala kehangatan musim panas yang begitu menyengat menyapa bumi bertuah ini. Kejadian gempa bumi yang melanda wilayah Sichuan seelah-salah mengulangi kesedihan tahun 2008. Namun, musim gugur yang menjelang tiba pasti akan menyemarak kembali semangat untuk terus menikmati kehidupan. Lusteru, dalam keluaran ini kami menyajikan keindahan panorama dedaun bertukar warna kemerahan kepada para pembaca. Apa kata anda berkunjung ke negara kami untuk menyaksikan sendiri keindahan alam yang sukar digambarkan dengan kata-kata ini.

Dalam keluaran kali ini kami juga amat berbangga membawa anda melawat keindahan dan kemegahan Tiantan (The Temple of Heaven) yang sudah berusia lebih 700 tahun. Seni bina kompleks bangunan ini membuktikan tamadun dan kemahiran seni bina tukang pada zaman dahulu. Kami tidak mahu bercerita panjang, namun datanglah dan buktikan sendiri.

Teruskan membaca Kembara Sutera untuk mendapatkan maklumat berguna dalam merancang kembara anda ke China. Mungkin anda berminat mengalami sendiri kedinginannya yang menusuk ke tulang hitam sambil menyaksikan Festival Hais di Haerbin, atau menonton Opera Beijing yang menjadi warisan kebudayaan kebangsaan. Semuanya terdapat dalam Kembara Sutera.

张雯雯
Awan

06

Taman Tiantan

10

Nostalgia Musim Luruh

14

Percutian Musim Dingin di Haerbin

21

Semboa, Alat Hitung Tradisional China

22

Kembara Belanja di Kota Beijing

26

Nanluoguxiang

30

Opera Beijing, Khazanah Kebudayaan Bangsa China

32

Etnik Uygur, Etnik yang Beragama Islam di China

33

Masjid Guilin



Penerbit:

Radio Antarabangsa China (CRI)

Ketua Pengarang:

An Xiaoyu

Timbalan Ketua Pengarang:

Zhang Wenwen

Ketua Editor:

Wang Jin

Editor:

Nelawati Ngadul

Zhang Wei Lin Ying

Tempat Edaran:

Malaysia

Tarikh Terbit:

**Julai, September, November,
Januari, Mac, Mei**

Laman Sesawang:

<http://malay.cri.cn>

facebook:

www.facebook.com/crimalay

E-mel:

mal@cri.com.cn

Surat-menyurat:

**Malay Service,
China Radio International,
16A Shijingshan Road,
100040 Beijing, P.R. China.**

Telefon:

+86-10-68892073



Taman Tiantan

oleh: **Cao Jie**

Taman Tiantan Beijing atau dikenali juga sebagai *The Temple of Heaven* merupakan kompleks bangunan untuk bersembahyang kepada langit oleh maharaja-maharaja pada zaman Dinasti Ming (1368-1644) dan Dinasti Qing (1616-1912). Taman Tiantan terkenal dengan susunannya yang rapi, bangunannya yang hebat dan hiasan binaannya yang cantik.

Pada tahun 1998, Taman Tiantan disenaraikan sebagai Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO).

Berdasarkan penilaian Jawatankuasa Warisan Dunia seperti yang berikut: Tiantan yang dibina pada separuh pertama abad ke-15 terletak di dalam taman diraja dan dikelilingi pokok-pokok yang sudah berumur ratusan tahun. Kompleks bangunan yang terpelihara dengan baik itu banyak menggambarkan hubungan langit dengan bumi tidak kira dari segi susunan keseluruhan bangunan atau sesebuah bangunan sahaja. Manakala, hubungan yang ditunjukkan itu dijadikan inti pati pandangan orang China terhadap dunia dan alam pada zaman purba.

Serentak itu, peranan istimewa yang dimainkan maharaja dan pegawai kanan dalam hubungan itu turut diperlihatkan melalui bangunan tersebut.



Tempayan tembaga yang menyimpan air untuk memadam kebakaran.

Pada zaman purba, aktiviti pemujaan langit merupakan hak istimewa maharaja dan juga merupakan antara aktiviti sembahyang peringkat negara yang paling meriah. Tempat bagi mengadakan aktiviti pemujaan itu turut diberikan perhatian tinggi dan juga merupakan bangunan yang penting di ibu kota.

Taman Tiantan terletak di sebelah selatan Kota Larangan (Forbidden City), iaitu istana diraja pada zaman dinasti Ming dan Qing. Tiantan siap dibina pada tahun 1420, iaitu tahun ke-18 Maharaja Yongle Dinasti Ming, juga tahun yang sama Kota Larangan siap dibina. Pada awalnya, Tiantan dinamakan Tian Di Tan, atau maksudnya tempat bersembahyang kepada langit dan bumi. Pada zaman Dinasti Qing, oleh sebab aktiviti bersembahyang kepada langit, bumi, matahari dan bulan diasingkan iaitu masing-masing diadakan di bangunan yang dibina di sebelah selatan, utara, barat dan timur luar Kota Larangan, maka Tian Di Tan telah diubah menjadi Tiantan pada tahun ke-13 oleh Maharaja Jiaqing Dinasti Qing (tahun 1534).



Pokok-pokok yang berusia ratusan tahun.



Susun atur yang rapi bangunan-bangunan di Tiantan.

Susun Atur Bangunan di Taman Tiantan

Keluasan Taman Tiantan yang mencatat lebih 2.7 juta meter persegi ketika dibina, yakni lebih besar berbanding keluasan Kota Larangan Beijing. Sama seperti Kota Larangan Beijing, bangunan utama Taman Tiantan dibina berjajar dari selatan ke utara di garis tengah, manakala bangunan-bangunannya menghadap ke arah selatan dan berbentuk bulat, yang melambangkan langit.

Orang China pada zaman purba menganggap langit berbentuk bulat dan bumi berbentuk empat segi. Berdasarkan fahaman itu, dua lapis tembok Taman Tiantan berbentuk bulat di sebelah utara sebagai lambang langit dan berbentuk empat segi di sebelah selatan sebagai lambang bumi.

Bangunan-bangunan utama di Taman Tiantan

Terdapat tiga buah bangunan utama dalam Taman Tiantan, iaitu Yuanqiu, Huangqiongyu, dan Dewan Qinian. Ketiga-tiga buah bangunan utama ini terletak di garis tengah taman berkenaan.

Yuanqiu

Yuanqiu yang terletak di bahagian paling selatan, merupakan tempat maharaja mengadakan upacara menyembah langit. Ia merupakan satu pentas batu berbentuk bulat tiga tingkat. Setiap tingkat berpagar buatan batu marmar putih. Bilangan tiang yang menghubungkan setiap pagar dan tangga yang mengelilingi pentas adalah gandaan sembilan, selaras dengan kepercayaan orang China pada zaman purba bahawa sembilan ialah angka yang paling besar yang semestinya ditunjukkan dalam bangunan diraja. Di tengah-tengah pentas itu terdapat sebuah batu berbentuk bulat yang dinamakan “batu matahari” dan juga disebut sebagai “batu pusat langit”. Jika bercakap ketika berdiri di atas batu itu, walaupun dengan suara rendah, gema suara terdengar sangat kuat.



Arca binatang yang berfungsi sebagai penyalur air di bangunan Yuanqiu.



Bangunan Qionghuangyu.



Papan bertulis di atas pintu Qionghuangyu.

Huangqiongyu

Apabila keluar dari Yuanqiu dan berjalan ke arah utara, kita akan sampai di Huangqiongyu, tempat menyimpan papan peringatan langit dan dewa-dewi matahari, bulan, bintang, awan, hujan, halilintar dan guruh. Di sini, saudara akan melihat ramai orang mendekati tembok untuk bercakap atau mendengar. Mungkin anda tertanya-tanya apa yang mereka lakukan? Sebenarnya, Huangqiongyu dikelilingi oleh tembok berbentuk bulat, tingginya lebih tiga meter dan tebalnya pun mencapai hampir satu meter, dan panjangnya kira-kira 200 meter. Oleh sebab tembok itu amat licin dan dibina dengan radian yang teratur, seandainya anda bercakap dengan suara rendah di kaki tembok, orang yang berdiri di kaki tembok yang bertentangan dapat mendengar suara anda dengan sangat jelas. Jika berpeluang melawat Taman Tiantan, cubalah cara ini, ini pasti menjadi kenangan manis dalam pengalaman anda.



Bangunan Yuanqiu.

Dewan Qinian

Dewan Qinian yang terletak di bahagian utara pusat Taman Tiantan, merupakan tempat maharaja bersembahyang kepada langit dan berdoa agar dikurniai cuaca baik supaya mencapai hasil tuaian yang baik. Dewan yang berbentuk bulat ini setinggi kira-kira 40 meter dan garis tengahnya 32 meter. Dewan ini dibina dengan menggunakan kayu, bumbungnya tiga lapis. Di tengah dewan ini terdapat empat batang tiang setinggi 20 meter yang melambangkan empat musim setahun, manakala di sekitar empat tiang itu terdapat 12 batang tiang yang melambangkan 12 bulan setahun, dan di luar 12 tiang itu terdapat pula 12 batang tiang yang melambangkan 12 jam sehari (Pada zaman dahulu, waktu sehari terbahagi kepada 12 jam). Bumbung dewan itu beratap genting berwarna biru yang disadurkan dengan emas dan sangat indah. Dewan ini dibina di atas tapak batu putih halus bermutu setinggi tiga tingkat dan kelihatan sangat megah.

Bangunan di Taman Tiantan yang direka bentuk dan dibina melalui perancangan dan perhitungan yang rumit dan saintifik memperlihatkan tahap teknik pembinaan China yang tinggi pada pertengahan abad ke-16.

Jika masih cukup masa, selepas melawat bangunan-bangunan utama di taman ini, anda boleh bersiar-siar untuk menikmati ketenangan di taman ini. Pokok di taman ini ditandai berdasarkan umur. Pokok yang berumur di bawah 200 tahun ditanda dengan papan hijau, manakala papan merah menandakan umur pokok itu telah melebihi 200 tahun. Terdapat pokok yang berusia lebih 500 tahun. Pelancong juga dapat melihat penduduk setempat menyanyi, menari, berlatih Tai Chi, Wushu, bermain jianzi, bermain layang-layang, dan sebagainya. 图



Dewan Qinian yang tersergam megah.



Tiang—tiang yang meninggi di dalam Dewan Qinian.

Pengangkutan: Kereta api Bawah Tanah Laluan 5: Turun di stesen Tiantan Dongmen, dan keluar melalui pintu A. **Harga Tiket:** Musim Puncak: RMB 15 yuan (1 April - 31 Oktober) Musim Dingin: RMB 10 yuan (1 November - 31 Mac) **Masa Buka:** 6.00 am - 10.00 pm **Laluan Melawat Yang Ideal:** Masuk dari pintu selatan-Yuanqiu-Huangqiongyu-Dewan Qinian-keluar dari pintu timur atau utara. **Tempat Beli-belah di Sekitar Taman Tiantan:** Jika keluar melalui pintu timur Taman Tiantan, anda boleh membeli-belah di Pasar Hongqiao, tempat yang lebih terkenal dalam kalangan pelancong asing dengan pelbagai produk termasuk beg, kain sutera dan barangan kemas mutiara.

Nostalgia

oleh: Zhang Zhe

Musim Luruh

Terdapat pepatah China yang berbunyi: Daun pokok tahu bila musim luruh tiba. Pepatah ini tepat sekali kerana warna daun pokok yang hijau akan berubah menjadi kemerah-merahan pada musim luruh, sekali gus menandakan kedatangan musim luruh. Oleh itu juga, menikmati keindahan daun pokok yang cantik lagi mempesona merupakan perkara yang sungguh menyeronokkan, dan sudah tentu akan menjadi nostalgia kepada anda.


1. Ejina di Wilayah Autonomi Mongolia Dalam

Pemandangan unik: *Hutan poplar euphratica*
Masa yang sesuai untuk lawatan: *Oktober*

“Seribu tahun tak akan mati, seribu tahun tak akan tumbang, dan seribu tahun tak akan reput.” Itulah dongeng yang amat terkenal tentang poplar euphratica, iaitu sejenis pokok yang sangat sedikit bilangannya di dunia. Di Ejina, anda boleh menyaksikan pokok yang sungguh misteri itu dengan mata kepala sendiri.

Di Ejina terdapat salah satu daripada tiga hutan poplar euphratica di dunia. Hutan itu mempunyai pemandangan yang amat luar biasa kerana terletak di kawasan padang pasir. Berbanding dengan pokok-pokok yang lain, poplar euphratica mempunyai bentuk yang agak berbeza, untuk menyesuaikan diri dengan iklim yang amat mencabar di padang pasir. Daun pokok poplar euphratica akan berubah menjadi warna kuning pada musim luruh, dan kelihatan berkilau keemasan di bawah cahaya matahari.

Di sini, anda juga dapat menyaksikan pemandangan padang pasir Badain Jaran yang digelar sebagai padang pasir yang paling indah di China oleh majalah National Geographic China.



2. Gunung Xiangshan di Beijing

Pemandangan yang unik:

Daun pokok *cotinus coggygia* dan maple yang berwarna merah-kemerahan.


Masa yang sesuai untuk lawatan: penghujung bulan Oktober



Gunung Xiangshan antara destinasi pelancongan yang amat dikenali dengan pemandangan daun merah pada musim luruh. Gunung Xiangshan dengan puncaknya setinggi 577 meter dari paras laut itu terletak di pinggir barat laut kota Beijing. Daun pokok *cotinus coggygia* di gunung ini akan menjadi kemerah-merahan pada musim luruh, bagaikan gunung ini terbakar sebelum bertukar menjadi warna ungu kemerah-merahan seperti warna buah senduduk dan gugur. Pokok *cotinus coggygia* di Gunung Xiangshan mula ditanam pada zaman Dinasti Qing, dan kini, selepas lebih 200 tahun berlalu, berkembang menjadi hutan yang mempunyai 94 ribu batang pokok.

Warna daun pokok di Xiangshan berbeza berdasarkan perbezaan kelembapan, cahaya matahari dan suhu. Daun pokok di puncak gunung paling awal bertukar ke warna merah. Perubahan warna daun pokok beransur-ansur merebak ke bahagian bawah, dan akhirnya sampai ke kaki gunung.

Daun pokok yang merah di segenap gunung itu menghasilkan pemandangan yang amat menakjubkan, malah seolah-olah bersambung dengan kaki langit. Jika tidak berpuas hati dengan menyaksikan pemandangan sahaja, anda juga boleh cuba menghidu bau kaunnya yang wangi lagi segar.



3. Dataran Tinggi Tibet

Pemandangan unik: Hutan yang berwarna-warni

Masa yang sesuai untuk lawatan:

Penghujung bulan Oktober hingga awal November

Musim luruh antara musim puncak untuk pelancongan di wilayah Tibet. Berbanding dengan musim yang lain, lawatan ke Tibet pada musim luruh lebih menyeronokkan kerana dapat menyaksikan padang rumput yang berwarna kuning di kaki gunung salji. Bagi mereka yang berminat untuk mengambil gambar, musim luruh juga antara masa paling sesuai untuk mengambil gambar pemandangan gunung salji. Tak payahlah melancong ke tempat lain, cukup dengan bersiar-siar sahaja di tebing anak sungai sambil menghirup udara yang amat bersih lagi segar. Maka, tidak hairanlah Lhasa, iaitu ibu kota wilayah Tibet dianggap bandar yang paling bahagia di China.

Nyingchi antara satu destinasi pelancongan yang terkenal di Tibet. Sungguhpun nama ini terkenal, namun orang yang pernah menjejakkan kaki ke Nyingchi tidak ramai. Bukit-bukau di Nyingchi ibarat berpakaian merah dengan daun pokok yang berwarna merah sepenuhnya pada musim luruh. Lagi seronok kerana anda dapat menyaksikan pemandangan bukit-bukau dengan bayangannya pada permukaan tasik yang berwarna kebiruan.

Selain menyaksikan pemandangan alam semula jadi yang indah, ambillah kesempatan untuk menghayati budaya dan adat resam etnik Tibet yang amat unik. Tentulah satu pengalaman indah bagi anda jika menginap di rumah penduduk tempatan. Di sana, anda berpeluang untuk menikmati teh mentega Tibet yang unik rasanya, dan menari beramai-ramai mengelilingi unggun api dalam jamuan makan malam.

Suhu udara di Tibet pada musim luruh kira-kira 15 darjah selsius pada siang hari, dan turun ke 0 darjah pada waktu malam. Pakaian tebal diperlukan apabila melancong di sana.

12 Kembara Sutera



4. Jiuzhaigou di Provinsi Sichuan

Pemandangan yang unik: Bayangan daun berwarna-warni dalam tasik yang berwarna biru.

Masa yang sesuai untuk lawatan: Pertengahan bulan September hingga awal November

Apabila merancang perjalanan ke provinsi Sichuan, Jiuzhaigou pasti akan menjadi pilihan utama. Sungai dan tasik yang jernih menjadikan Jiuzhaigou destinasi pelancongan yang amat masyhur. Namun, ia tidak dapat mewakili pesona Jiuzhaigou pada keseluruhannya. Jiuzhaigou bagaikan dunia yang berwarna-warni pada musim luruh. Jika diteliti dari segi geografi, jurang perbezaan ketinggian yang mencecah 3,000 meter antara kawasan lembah dan puncak gunung di Jiuzhaigou menyebabkan perbezaan jenis tumbuh-tumbuhan terdapat di sana, di samping menyajikan pemandangan yang berwarna-warni.

Wuhuai atau Tasik Lima Bunga, tempat yang tidak boleh ditinggalkan dalam program lawatan pelancong. Tasik yang indah itu lebih mempesonakan pada musim luruh. Tasik seluas 90 ribu meter persegi itu terletak di tempat dengan ketinggian 2,472 meter dari paras laut. Walaupun airnya sedalam lima meter, namun dasar tasik itu kelihatan dengan jelas kerana airnya amat jernih. Elemen kalsium dan alga dalam air menjadikan tasik itu berwarna-warni dan amat indah permai, seolah-olah batu permata yang sangat besar. Pokok-pokok di sekeliling tasik itu juga membantu menambah suasana yang misteri dengan daun berwarna kuning ke merah. Berjalan berapa tapak sahaja, pemandangan sudah berubah. Mata kita tak lepas untuk menghayati pemandangan Jiuzhaigou yang begitu pelbagai pada musim luruh.



5. Wuyuan di Provinsi Jiangxi

Pemandangan unik: Kampung kuno yang dikelilingi pokok maple berdaun merah

Masa yang sesuai untuk lawatan: Penghujung November hingga awal Disember

Wuyuan, Jiangxi dikenali ramai dengan pemandangan yang indah apabila bunga sesawi bermekaran di ladang pada musim bunga. Bagaimanapun, anda tidak perlu berasa kecewa sedikit pun jika melawat Kampung Changxi, Wuyuan pada musim luruh. Kampung yang amat bersejarah itu dikelilingi oleh lebih 200 batang pokok maple yang berusia ratusan tahun. Semua daun maple akan menjadi merah sepenuhnya pada musim luruh, sekali gus menambah kecantikan kampung tersebut. Para pelancong tentu akan amat asyik apabila bersiar-siar di jalan-jalan kuno di kampung itu, sambil menghayati seni bina yang unik bangunan tempatan. Tanpa bunyi kenderaan dan keheangan yang lain, masa berada di Kampung Changxi ini tentu amat berharga dan seronok bagi mereka yang menetap di bandar metropolis. Di kampung itu, anda seolah-olah mengabadikan diri dalam satu lukisan pemandangan yang cantik dan menawan hati. 图



PERCUTIAN MUSIM DINGIN DI *Haerbin*

oleh: **Rita Ngadul**

Melancong sebahagian hidup saya. Saya menyukai pengembaraan lasak dan kebanyakan destinasi kembara saya bukan yang biasa. Saya suka melihat hidupan liar, menikmati pemandangan alam semula jadi dan lanskap yang luar biasa dan mempesonakan. Melalui pengembaraan atau pelancongan begini, saya berpeluang menyelami kebudayaan dan melihat tempat bersejarah dan semula jadi yang begitu hebat di dunia.



Penulis (kanan) dengan anaknya Kiki dan anak saudara Iqbal.

Disember merupakan bulan perayaan. Disember bermakna musim dingin, salji, Krismas, hadiah dan yang paling penting, cuti persekolahan hujung tahun. Lazimnya, pada bulan Disember, saya sekeluarga akan melawat keluarga di England. Namun, tugas suami saya menghalang rutin tahunan itu dilaksanakan. Lantaran itu, saya dan si gadis kecil saya, Kiki membuat keputusan untuk melancong sekali lagi ke China. Memang tepat pada masanya kerana Kiki yang kini menjelang usia 9 tahun dan amat menggemari cuaca dingin berpeluang menikmati pengalaman musim dingin dan salji. Oleh itu, pada bulan Disember 2012 lalu kami terbang ke Beijing.

Ketibaan kami di Beijing pada tengah malam 11 Disember 2012 yang dingin. Esok pagi, Beijing diselimuti salji seolah-olah menyambut kedatangan kami! Kiki amat gembira namun cuaca dingin bukanlah sahabat saya. Saya lebih suka mengurung diri daripada keluar rumah tetapi anak-anak bermain bebola salji dengan gembira di luar. Saya mengambil peluang ketenangan itu merancang destinasi selanjutnya -- kembara musim dingin

bersalji ke Haerbin, destinasi impian sejak kali pertama menjejakkan kaki ke China. Haerbin paling ideal dikunjungi pada musim dingin untuk menikmati Festival Salji dan Ais.

Haerbin ibu kota dan bandar terbesar di provinsi Heilongjiang, timur laut China, sekali gus bandar kesepuluh yang memiliki bilangan penduduk paling ramai di China. Haerbin dikenali sebagai "Kota Ais" kerana kedinginannya musim dinginnya yang menusuk ke tulang itu. Bandar ini turut terkenal oleh ukiran ais yang begitu indah dan warisan Rusia, serta kekal berperanan dalam perdagangan China-Rusia hingga kini. Pada tahun 1920-an, Haerbin dianggap sebagai kota fesyen China kerana fesyen terbaharu dari Paris dan Moscow akan memasuki pasaran Haerbin sebelum sampai ke Shanghai. Pada tahun 2010, Haerbin diisytiharkan Kota Muzik oleh UNESCO.





Kembara Kereta Api Z Beijing-Haerbin

Anda boleh memilih dua jadual kereta api berikut untuk ke Haerbin. Pertama, kereta api Z15 yang bertolak dari Beijing pada pukul 9 malam dan tiba di Haerbin pada pukul 7 pagi keesokannya. Atau Z16, yang meninggalkan kota Beijing pada pukul 9.36 malam dan tiba di Haerbin pada pukul 7.20 pagi keesokannya.

China mempunyai sistem pengangkutan merentasi kota yang terbaik antara negara-negara di Asia. Pada malam 20 Disember 2012, saya, Iqbal (anak saudara merangkap pengawal peribadi!) dan Kiki memulakan kembara berbeg galas ke Haerbin. Kami memilih menaiki keretapi kelas Z, iaitu Kereta Api Ekspres, tanpa henti hingga sampai ke destinasi dan lazimnya menghubungkan bandar-bandar besar atau ibu kota provinsi. Kereta api menjadi wadah pengangkutan paling popular di China. Kereta api yang bertolak pada waktu malam dan tiba di destinasi pada keesokannya ini bermakna bahawa kami perlu bermalam di dalam kereta api.

Terdapat empat buah stesen kereta api di Beijing untuk destinasi yang berbeza. Oleh itu, pastikan anda berada di stesen yang betul. Apabila berada di stesen, pastikan anda berada di pintu masuk yang betul kerana papan tanda kebanyakan dalam bahasa Mandarin.

Terdapat tiga atau empat pintu masuk yang sentiasa sesak dengan penumpang. Kami terpaksa mengikut rentak kerana tiada istilah 'beratur' di sini. Setiap orang akan cuba berada di depan. Jaga keselamatan beg anda daripada penyeluk saku yang sentiasa mengambil kesempatan dalam hiruk-pikuk orang ramai. Sebaik selesai pemeriksaan beg, kami masuk ke balai menunggu yang besar. Tiada sebarang pengumuman dalam bahasa Inggeris namun nombor kereta api, bilik menunggu dan platform tertera pada papan tanda elektronik di tengah-tengah balai menunggu 30 minit sebelum berlepas.

Kereta api yang kami naiki mempunyai 18 koc atau gerabak, yang separuh daripadanya memiliki kabin katil dua tingkat. Koc kami terletak di hujung sekali maka terpaksalah berjalan agak jauh. Jika anda pengembara bajet terhad, seperti kami, boleh memilih kerusi lembut. Saya hanya melihat ke luar tingkap dan menghayati pemandangan ciptaan Tuhan sementara Kiki dan Iqbal tidur dengan nyenyak. Perjalanan kereta api lancar melalui hutan dan bandar kecil yang diselimuti salji tebal. Pemandangan yang luar biasa cantiknya itu pasti membuat anda begitu menghargai kehebatan ciptaan Tuhan ini.

Haerbin, kami tiba ke pangkuanmu

Akhirnya kami menjejakkan kaki di Haerbin pada awal pagi 21 Disember. Haerbin menyambut kedatangan kami dengan salji di jalan berais yang licin dan suhu -33° Selsius. Stesen utama terletak di Jalan Tielu, di antara daerah Nangang dan Daoli. Kami mengekori orang ramai ke pintu pemeriksaan tiket sebelum keluar. Di luar terdapat banyak teksi yang bersedia menanti penumpang. Kami menaiki sebuah teksi dan meminta pemandu berkenaan menghantar kami ke hotel.

Haerbin, bandar penuh sejarah yang dinamik dan mempesonakan. Namun yang lebih mengujakan ialah warisan Rusia yang terdapat di segenap kota ini. Ciri-ciri Rusia kelihatan pada Gereja Saint Sophia, Lorong Pejalan Kaki Pusat, mahupun kawasan Sungai Songhua. Memang amat berciri kebaratan. Melihat Haerbin umpama cinta pandang pertama. Selesai mendaftar masuk di hotel, kami membuat keputusan berehat seketika. Namun, keletihan dalam perjalanan semalaman membuatkan kami terlena hingga melewati tengah hari. Saya mengejutkan anak-anak agar bersiap untuk makan tengah hari dan bersiar-siar. Kami menjamu selera dengan ladu Haerbin yang terkenal di Restoran Dongfang Jiaozhi Wang. Namun, rasanya indah khabar dari rupa.

Kami meneruskan perjalanan ke tebing Sungai Songhua yang terkenal di Haerbin. Para pengukir ais mengambil ketulan ais mereka dari sungai ini yang beku sepenuhnya sepanjang musim sejuk.

16 Kembara Sutura



Pada musim sejuk, Haerbin mula gelap seawal pukul 4.30 petang. Sebaik sampai di tebing sungai itu, beberapa penjual tiket mendekati dan memujuk kami bersiar-siar mengelilingi sungai menaiki kereta kuda. Kami dikenakan bayaran RMB80 untuk bertiga (yang kemudian saya diberitahu bayaran itu tidak munasabah). Kami dibawa mengelilingi kawasan 100 meter persegi selama 10 minit dan melihat hanya ais tanpa benda lain. Saya juga diminta membayar tips kepada pemandu kereta kuda. Saya berasa tertipu. Saya tidak menyarankan anda menaiki kereta kuda itu.

Pemandangan orang bersiar-siar di sepanjang Sungai Songhua amat biasa, malah ada yang menyeberangi sungai itu. Air sungai yang luas itu beku sepenuhnya dengan ketebalan satu meter. Suhu yang amat dingin menyebabkan jari kaki dan tangan kami berasa kebas dan berdenyut-denyut. Selepas satu jam, kami melangkah balik ke hotel dengan langkah longlai akibat keletihan dan kedinginan. Kami singgah makan malam untuk menenangkan dan menghangatkan semangat yang hampir membeku.

Hari kedua kami bermula sangat lewat. Ketiga-tiga kami keberatan meninggalkan keselesaan dan kehangatan selimut. Melalui kaca tingkap, kelihatan salji turun berterusn. Suhu juga turun ke tahap -34°C. Tidak mahu mengulangi "kesengsaraan" akibat kedinginan melampau yang dialami pada hari sebelumnya, kami memutuskan untuk membeli-belah kasut, pad hangat dan cenderamata sambil bersiar-siar. Oleh sebab hujung tahun dan Krismas menjelang tiba, hotel, jalan raya dan pusat beli-belah dipenuhi pelawat. Kami menghabiskan masa mengunjungi bangunan bersejarah, malah mencuba juadah tempatan Haerbin dan barat di restoran hotel yang terkenal.

Saya mahu Kiki melihat sendiri Festival Salji dan Ais serta bermain ski di Haerbin. Pada hari ketiga kami bermain ski yang ditempah melalui hotel. Bayaran untuk bermain ski RMB100

manakala kanak-kanak tidak dikenakan bayaran. Sebagai pelancong di China, anda perlu memastikan bayaran yang dikenakan jelas tanpa kos tersembunyi. Rupa-rupanya kami perlu membayar deposit RMB3000 yang dikenakan oleh pemandu pelancong. Kami dijemput dari hotel seawal 4.00 pagi untuk ke Resort Ski Yabuli yang jauhnya tiga jam perjalanan menaiki bas. Sepanjang perjalanan, pemandu pelancong memujuk kami menyertai aktiviti pilihan yang katanya tanpa paksaan. Malangnya aktiviti itu tidak menarik langsung. Selepas tiga jam, kami tiba di resort itu dan diberi masa dua jam untuk bermain ski, termasuk menyewa dan memakai peralatan bermain ski. Sudah pasti dua jam sebenarnya terlalu singkat. Bagi saya yang sering melancong ke seluruh Asia dan Eropah, masa yang diberi dan bayaran yang dikenakan sangat tidak munasabah. Tapi begitulah hakikat perdagangan. Apa yang penting Iqbal dan Kiki amat seronok. Tambahan lagi kami mendapat kawan baharu, sekumpulan guru dari provinsi Guangzhou, yang menjamu kami dengan makan malam selepas bermain ski.

Pada hari keempat, kami bersiar-siar, mencuba juadah tempatan dan membeli cenderamata. Suhu yang amat dingin menghalang kami berada di luar lebih lama, tambahan pula jalan raya sangat licin. Malah saya terjatuh beberapa kali!

Kedinginan Haerbin membuatkan saya begitu berhati-hati dengan daya tahan tubuh. Namun, kembara ini amat berbaloi, khususnya dapat melawat Festival Salji dan Ais. Kami, khususnya Kiki amat seronok walaupun aktiviti yang sesuai dengan usianya amat terhad. Dari senyumannya, Kiki menikmati sepenuhnya percutian ini.

Pada hari kelima, kami melawat taman tanglung ais dengan bayaran RMB200 seorang.

Kami melawat taman itu pada awal bulan festival diadakan. Ketika itu, taman itu belum dibuka secara rasmi kerana banyak ukiran yang masih belum siap. Seluruh taman itu diliputi salji dan ais beku, amat licin dan sejuk namun pemandangannya sangat cantik dan menakjubkan.

Selepas menghabiskan enam hari percutian di Haerbin, kami bertolak balik ke Beijing pada pukul 9.40 malam, sarat dengan buah tangan yang dibeli di Jalan Pusat. Sejurus sebelum bertolak balik, kami sempat lagi menambah belian. Percutian ke Haerbin memang menyeronokkan dan kami berharap untuk berkunjung semula pada musim panas pula. Banyak lagi kawasan semula jadi di provinsi Heilongjiang yang belum kami terokai. Saya ingin sekali melawat pusat pembiakan burung jenjang mahkota merah. Haerbin memang berbaloi dikunjungi, khususnya ekspatriat di China. Apa yang pasti, saya akan kembali. 图



Beijing Forbidden City (Palace Museum)

Four Main Entrances

- ① Meridian Gate
- ② Gate of Divine Prowess
- ③ West Flowery Gate
- ④ East Flowery Gate
- ⑩ Tower of Enhanced Righteousness
- ⑪ Tower of State Benevolence
- ⑫ Hall of Military Prowess
- ⑬ Hall of Literary Glory

Outer Court

- ⑤ Gate of Supreme Harmony
- ⑥ Hall of Supreme Harmony
- ⑦ Hall of Central Harmony
- ⑧ Hall of Preserved Harmony
- ⑨ Gate of Heavenly Purity

- ②① Southern Three Halls (Princes' Studies)
- ②② Nine Dragon Screen
- ②③ Hall of Mental Cultivation
- ②④ Shufang Lodge
- ②⑤ Palace of Longevity and Peace
- ②⑥ Hall of Braveness and Splendor
- ②⑦ Hall of Double Brilliance

Inner Court

- ⑭ Hall of Heavenly Purity
- ⑮ Hall of Union and Peace
- ⑯ Hall of Earthly Tranquility
- ⑰ Imperial Garden
- ⑱ Garden of Benevolent Peace
- ⑲ Palace of Benevolence Peace
- ⑳ Imperial Kitchen



- ②⑧ Hall of Honesty and Respect
- ②⑨ Palace of Great Benevolence
- ③① Palace of Bearing Heaven
- ③② Palace of Gathering Essence
- ③③ Hall for Ancestry Worship

- ③④ Palace of Prolonged Happiness
- ③⑤ Palace of Eternal Harmony
- ③⑥ Palace of Sunlight
- ③⑦ North Five Halls
- ③⑧ Imperial Study
- ③⑨ Gate of Imperial Supremacy
- ③⑩ Hall of Imperial Supremacy
- ④① Hall of Character Cultivation

Tips Pelancongan di China

oleh: Zhang Wei

Visa
Tiket
Hotel

China dengan keluasan 9.6 juta kilometer persegi, menduduki tempat ketiga di dunia, selepas Rusia dan Kanada, dan hampir sama dengan keseluruhan keluasan Eropah. Suhu udara dari selatan ke utara China amat berbeza kerana jarak dari timur ke barat mencatat kira-kira 5,000 kilometer, manakala jarak dari selatan ke utara 5,500 kilometer.

Baju
Makanan
ringan
Minuman
Keperluan harian

	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Haerbin	-30°C	-15°C	0°C	8°C	9°C	10°C	22°C	22°C	10°C	2°C	-5°C	-15°C
Beijing	-3°C	0°C	8°C	16°C	21°C	27°C	31°C	30°C	25°C	16°C	10°C	3°C
Shanghai	1°C	5°C	8°C	15°C	20°C	28°C	32°C	32°C	24°C	19°C	13°C	5°C
Guangzhou	14°C	16°C	19°C	22°C	27°C	29°C	31°C	33°C	32°C	27°C	20°C	19°C
Nanning	13°C	16°C	19°C	23°C	27°C	30°C	33°C	33°C	29°C	25°C	20°C	16°C

Persiapan Sebelum Melancong ke China:

1. Visa: Setiap individu perlu memiliki pasport yang tempoh sah sekurang-kurangnya enam bulan atau lebih untuk memohon visa pelancong di pejabat Kedutaan Besar China atau Konsulat tempatan.

Laman sesawang rasmi Kedutaan Besar China ke Malaysia: <http://my.china-embassy.org/eng/>

2. Tiket penerbangan: Kini, syarikat penerbangan Air China, China Southern Airlines, China Eastern Airlines, Malaysia Airlines dan AirAsia sudah mempunyai laluan penerbangan langsung antara beberapa bandar di tanah besar China dengan pelbagai bandar di Malaysia.

3. Hotel: Pelancong persendirian boleh menempah hotel menerusi pelbagai laman web, seperti www.agoda.com dan www.booking.com. Di China, www.ctrip.com dan www.elong.com juga amat membantu. Di samping itu, banyak hotel rantaian murah boleh ditempah menerusi laman sesawang mereka. Harganya munasabah, selain menjanjikan kebersihan dan keselesaan. Contohnya, Home Inn (www.homeinns.com), Jinjiang Inn (www.jinjianginns.com), dan Hanting Inn (www.huazhu.com).



Panduan Melancong ke China pada Musim Gugur

Musim gugur merupakan masa terbaik untuk melancong. Namun, sebelum bertolak, anda perlu membuat persiapan rapi, khususnya warga tua dan kanak-kanak yang memerlukan penjagaan khas.


Barang-barang keperluan:

1. Baju: Bermula pada bulan September, kebanyakan kawasan di bahagian utara China sudah memasuki musim gugur. Cuacanya semakin sejuk, khususnya pada waktu pagi dan malam. Anda perlu membawa baju tebal. Namun, kebanyakan kawasan di bahagian selatan China masih berada dalam musim panas, dan suhu udaranya agak tinggi, seperti provinsi Guangdong, Fujian, Hainan dan wilayah Guangxi.

2. Makanan ringan: Lazimnya, pada musim gugur aktiviti riadah lebih banyak. Ini membolehkan kita cepat berasa lapar dan kurang cergas. Maka, bawalah beberapa makanan ringan termasuk biskut, coklat dan kacang tanah.

3. Minuman: Cuaca semakin kering di China pada musim gugur. Anda perlu minum lebih untuk menambah air dalam tubuh.

4. Keperluan harian: Selain barang-barang biasa yang perlu dibawa, golongan wanita perlu membawa alat dan krim pelindung matahari. ☀️



China ABC

Sempoa Alat Hitung Tradisional China

oleh: Dong Xiaoping

Sempoa, dalam bahasa Mandarin, suan pan, merupakan satu ciptaan berasaskan alat hitung suan chou yang digunakan oleh orang China sejak beribu tahun dahulu. Pada zaman purba, manusia melakukan pengiraan asas dalam aktiviti seharian mereka dengan menggunakan kayu kecil. Kayu itu disebut suan chou. Walau bagaimanapun, ketika membuat hitungan dalam bilangan yang banyak, suan chou itu tidak sesuai dipakai. Oleh sebab itu, manusia mencipta satu lagi alat hitung yang lebih canggih, iaitu sempoa.

Sempoa yang berbentuk empat segi panjang terdiri daripada kerangka, manik-manik dalam jumlah yang tertentu, poros atau tiang vertikal yang merupakan tempat manik-manik digantung. Pada setiap tiang vertikal, ada dua biji manik di atas yang nilainya lima setiap satu dan lima biji lagi di bawah yang setiap satu nilainya satu.

Seiring dengan penggunaan sempoa yang semakin meluas, orang China telah menyusun ringkasan tentang formula kiraan. Jika mahir menguasai formula tersebut dan pandai menggunakan sempoa, kepantasan menghitung lebih cepat daripada pengiraan bertulis. Operasi perhitungan aritmetik menggunakan sempoa adalah melalui cara menaikurunkan biji sempoa dengan jari-jari. Hingga zaman Dinasti Ming (1368—1644 Masihi), sempoa telah digunakan untuk melakukan hitungan aritmetik, iaitu campur, tolak, darab dan bahagi.

Proses pembuatan sempoa yang mudah, harga yang murah dan formula menghitung yang mudah dikuasai, menyebabkan sempoa digunakan secara meluas di China, sebelum diperkenalkan di Jepun, Korea dan negara-negara lain. 🇨🇳



Kembara Belanja di Kota Beijing

Ikuti editor KS melancong di China

oleh: **Farahnaz Hashim**



Farahnaz Hashim, editor majalah Kembara Sutra, juruhebah siaran bahasa Melayu CRI. Beliau telah tinggal di Beijing selama tiga tahun. Suka membaca, melancong dan tertarik dengan makanan halal tempatan yang sedap seperti roti sup kambing. Beliau telah mengembara ke Jiangxi, Shandong, Zhejiang, Fujian, Jiangsu dan tempat-tempat lain yang menarik di China.

Kalau sudah tercapai hasrat mendaki Tembok Besar China, sudah menjejak kaki ke destinasi pelancongan seperti Kota Larangan dan Istana Musim Panas, malah sudah puas mengisi perut dengan makanan tempatan yang lazat, cuma tinggal satu perkara yang mesti dilakukan oleh pelancong di bandar Beijing, iaitu membeli-belah. Sama ada membeli barangan kraf tangan untuk dijadikan cenderamata, atau barangan buatan China untuk kegunaan sendiri, tidak sempurna lawatan di Beijing kalau tidak singgah di tempat-tempat yang terkenal untuk membeli-belah. Sebelum keluar membeli-belah, mungkin pelancong patut lebih mengetahui jenis-jenis pusat beli-belah yang terdapat di Beijing, supaya lebih mudah membuat keputusan ke mana hendak pergi berbelanja.

Silk Street

Nama Silk Street mungkin tidak asing lagi bagi ramai orang, kerana antara pusat beli-belah yang terkenal di Beijing, Silk Street, atau Xiushuijie, paling biasa dikunjungi para pelancong.

Pasar yang sudah bersejarah lebih 30 tahun ini dahulunya dipanggil Silk Alley kerana pada asalnya pasar ini cuma sebuah pasar terbuka yang terletak di lorong Xiushui Dongjie. Pada waktu itu, terdapat kira-kira 410 buah gerai di lorong tersebut yang menjual pelbagai jenis barang termasuk produk sutera dan cenderamata untuk pelancong. Disebabkan tidak dapat lagi memenuhi keperluan semasa, pasar yang lama itu dirobuhkan dan digantikan dengan kompleks yang lebih moden yang dibuka pada 19 Mac 2005.

Kompleks baharu yang setinggi tujuh tingkat ini berkeluasan 35 ribu meter persegi dan memuatkan lebih 1,700 gerai yang menjual beraneka jenis barang. Mencari barang di pasar ini amat mudah kerana jenis-jenis barang yang dijual dibahagikan mengikut tingkat, contohnya pakaian wanita di tingkat satu dan kain sutera di tingkat tiga. Selain pakaian, kain sutera dan aksesori seperti topi, beg tangan, kasut dan tali pinggang, terdapat juga barang antik, permaidani, alas meja dan cadar, alat mainan, alat elektronik, barang kemas serta kraf tangan. Peniaga di sini mampu bertutur dengan fasih dalam pelbagai bahasa asing, termasuklah bahasa Melayu. Sekiranya gemar dan



handal tawar-menawar, Silk Street memang tempat yang sesuai untuk membeli-belah.

Silk Street letaknya di kawasan yang cukup komersial di bandar Beijing. Pasar ini cukup terkenal dalam kalangan pelancong khususnya pelancong antarabangsa. Mengikut anggaran, kira-kira 20 hingga 30 ribu orang berkunjung ke Silk Street pada hari-hari biasa, dan hampir 100 ribu orang pada hujung minggu. Jualan pasar ini pada setiap tahun melebihi RMB100 juta (RM50 juta). Untuk memastikan keselesaan para pengunjung, banyak restoran dan kedai kopi dibuka di Silk Street. Di kawasan sekitarnya juga terdapat beberapa restoran makanan halal, seperti Restoran Baiyexuan (百叶轩) yang cuma 400m di utara Silk Street dan Restoran Masakan Barat Laut China (西北美食) kira-kira 500m di sebelah baratnya.

Info Berguna

Alamat Silk Street:
No. 8, Xiushui Dongjie, Chaoyang
Beijing 朝阳区秀水东街 8 号
Waktu Niaga: 9.00 am – 9.00 pm
Pengkangkutan:
Kereta api bawah tanah Laluan 1, stesen Yong'anli (永安里), keluar melalui pintu A.
Bas 1, 9, 43, 99, 120, 126, 205, 666, 668, 673, 728, 729 ke Stesen Barat di Persimpangan Yong'anli (永安里路口西) atau 28, 43, 120, 126, 403, 639, 673 ke Stesen Utara di Persimpangan Yong'anli (永安里路口)
Tarikan lain yang berhampiran: Pusat Dagangan Dunia Guomao, kawasan CBD Beijing.

Pasar Borong Guan Yuan

Berbanding Silk Street, Pasar Borong Guan Yuan kurang dikunjungi pelancong. Bagi mereka yang berminat meneroka dan mengalami sendiri gaya hidup orang tempatan, pasti berpuas hati kalau singgah membeli-belah di sini. Jangan terpedaya dengan nama pasar ini kerana pembeli yang tidak berhajat memborong pun boleh membeli-belah di sini.

Barang-barang yang boleh didapati di sini cukup lengkap, daripada pakaian, kasut, barang kemas, perhiasan dan perkakas rumah, sehinggalah alat tulis, pakaian kanak-kanak dan bayi, langsir, cadar, alas meja dan selimut sutera, semuanya pada harga yang amat berpatutan. Ada sesetengah kedai yang barangnya berharga tetap, ada sesetengah yang lain pula tidak menghalang pembeli yang ingin tawar-menawar untuk mendapatkan potongan harga. Bagaimanapun, harga barangan di pasar borong ini lebih rendah berbanding banyak tempat lain.

Pasar Borong Guan Yuan dibuka secara rasmi pada 16 Februari 1998. Ramai yang menganggap kedudukannya yang berhampiran dengan persimpangan

jalan utama agak strategik, kerana pengangkutan amat mudah dan keadaan keselamatannya cukup memuaskan. Walaupun kompleks pasar borong ini cuma tiga tingkat, namun keluasanannya mencapai hampir 30 ribu meter persegi. Terdapat kira-kira 1,800 gerai di sini, dan jumlah pengunjungnya dianggarkan melebihi 20 ribu orang setiap hari.

Perlu diingatkan, disebabkan pelancong kurang berkunjung ke pasar ini, tidak ramai peniaga yang mampu bertutur bahasa asing dengan fasih. Sekiranya khuatir tidak dapat berkomunikasi dengan peniaga, sebaik-baiknya bawalah seseorang yang mampu bertutur bahasa Mandarin. Namun begitu, peniaga di sini kebanyakannya ramah, maka bahasa bukanlah halangan besar bagi mereka yang benar-benar gemar membeli-belah.

Sekiranya penat membeli-belah, bolehlah berehat seketika dan makan minum di Restoran Masakan Xinjiang (新疆饭庄) yang terletak di seberang jalan atau Restoran Zhanlanlu (展览路清真馆) kira-kira 260m di timur Pasar Borong Guan Yuan.

Plaza Mingzhu, Xidan

Xidan sebuah kawasan yang boleh dianggap sebagai syurga bagi mereka yang gemar membeli-belah ataupun window shopping kerana terdapat deretan pusat beli-belah di sepanjang jalan besar Xidan. Ada yang menjual barang-barang mewah dan berjenama terkenal seperti Plaza Grand Pacific dan Gedung Serbaneka Zhongyou, dan ada pula yang menjual serba-serbi pada harga yang lebih berpatutan seperti Pusat Beli-belah Xidan, Joycity dan Plaza Mingzhu.

Antara semua pusat beli-belah tersebut, Plaza Mingzhu sudah lama popular dalam kalangan belia. Sejak dibuka pada 13 Julai 2001, majoriti pengunjung Plaza Mingzhu terdiri daripada pemuda-pemudi yang mengejar trend fesyen terkini dan suasananya riuh-rendah. Dengan berkeluasan 12 ribu meter persegi, plaza lima tingkat ini memuatkan kira-kira 1,200 gerai peniaga, dan barang-barang yang ada dijual di sini termasuk barang kosmetik, pakaian beraneka fesyen, aksesori wanita, beg dan topi, alat tulis dan peralatan pejabat, barang kemas, perhiasan, alat komunikasi dan fotografi. Bazar ini cukup popular sehinggakan ada kumpulan pengguna yang setia berkunjung dan membeli-belah di sini.

Banyak restoran makanan segera dan kedai kopi dibuka di kawasan Xidan. Terdapat juga restoran masakan Xinjiang (新疆风味) dan restoran masakan etnik Salar (志业诚西域撒拉尔) di sekitar Plaza Mingzhu.



Info Berguna

Alamat Plaza Oriental:
No. 1, Dong Chang'an Jie, Dongcheng Beijing 东城区东长安街 1 号
Waktu Niaga: 9.30 am – 10.00 pm
Pengkangkutan:
Kereta api bawah tanah Laluan 1, stesen Wangfujing (王府井).
Bas 10, 41, 59, 90, 99, 120, 126, 420, stesen Wangfujing (王府井)
Tarikan lain yang berhampiran: Jalan Komersial Wangfujing, Muzium Paleolitik Wangfujing, Kota Larangan, Lapangan Tiananmen.

Plaza Oriental, Wangfujing

Sekiranya sudah jemu dengan pusat beli-belah yang berupa pasar atau bazar, dan teringin pula membeli-belah di gedung yang mewah dengan suasana yang tenang, bolehlah singgah sebentar di Plaza Oriental, Wangfujing. Plaza ini terletak di sebuah kawasan komersial yang paling tua di pusat bandar Beijing, iaitu Jalan Wangfujing dan merupakan salah satu kompleks bangunan yang terbesar di China bahkan Asia dengan keluasan yang mencatat 800 ribu meter persegi. Kedai-kedai yang terdapat di sini sebahagian besarnya mewah, berjenama antarabangsa dan terkenal. Plaza ini dibahagikan kepada lima zon untuk memudahkan pengunjung membeli-belah.

Plaza Oriental yang tersergam megah ini bercirikan gabungan seni bina tradisional China dan seni bina moden, dengan kos pembinaan sebanyak USD 2 bilion. Kedudukannya di jalan utama Beijing, iaitu jalan



Info Berguna

Alamat Plaza Mingzhu:
No. 59, Heng Ertiao, Xicheng Beijing 西城区横二条 59 号
Waktu Niaga: 10.00 am – 10.00 pm
Pengkangkutan: Kereta api bawah tanah Laluan 1 atau 4, stesen Xidan (西单).
Bas 1, 10, 22, 37, 47, 52, 70, 83, 102, 105, 109, 603, 604, 62, 690, 728, 802, 808, 826, stesen Xidan Plaza (西单商场)
Tarikan lain yang berhampiran: Kedai Buku Beijing, Lapangan Xidan, Pusat Beli-belah Xidan, Joycity, Plaza Grand Pacific dan Gedung Serbaneka Zhongyou.



Info Berguna

Alamat Pasar Borong Guan Yuan:
No. 4, Chegongzhuang Dajie, Xicheng Beijing 西城区车公庄大街 4 号
Waktu Niaga: 10.00 am – 7.00 pm
Pengkangkutan:
Kereta api bawah tanah Laluan 2 dan 6, Stesen Chegongzhuang (车公庄)
Bas 19, 107, 118, 392, 685, 701 ke Stesen Santasi (三塔寺)
Tarikan lain yang berhampiran: Zoo Beijing, Teater Meilantang.





oleh: **Sun Muning**

NANLUOGUXIANG

Inap di Hotel Guxiang 20

Hotel Guxiang 20 merupakan salah sebuah hotel yang amat istimewa di Beijing. Ini bukan sahaja kerana seni bina hotel ini bergaya tradisional China, tetapi juga kerana hotel tersebut terletak di Jalan Nanluoguxiang, salah satu jalan purba yang terkenal di Beijing. Sebenarnya, kawasan ini merupakan salah sebuah kawasan perumahan yang paling lama di kota raya Beijing. Jalan yang panjangnya lebih 800 meter ini sekarang sudah menjadi kawasan komersial malah pelancongan yang terkemuka di kota metropolitan ini. Jalan Nanluoguxiang merupakan hutong atau lorong yang paling awal dibina di Beijing. Lebih 100 tahun yang lalu, ramai orang pembesar atau orang kaya membina kediaman mereka di jalan ini.

Dari siang hingga malam, pelancong dari dalam dan luar negara melancong di jalan ini, membeli-belah atau menikmati persembahan di bar muzik. Inilah keistimewaan Hotel Guxiang 20, kerana jika anda menginap di hotel ini, anda boleh melawat destinasi pelancongan yang terkenal di Beijing ini sepuas hati. Bagi anda yang suka minum kopi pula, terdapat cawangan Starbucks di lobi hotel tersebut.

Hotel tersebut berada di dalam satu bangunan tradisional China yang dikenali sebagai siheyuan. Terdapat 28 bilik yang masing-masing mempunyai tema yang berbeza di hotel tersebut. Bilik-bilik di Hotel Guxiang 20 dihiasi dengan gaya tradisional China, dan turut dinamai dengan nama-nama maharaja pada zaman Dinasti Qing. Berbeza dengan hotel-hotel yang moden, perabot di Hotel Guxiang 20 merupakan perabot gaya tradisional China. Katil, meja dan kerusi yang dibuat daripada kayu merah menjadikan hotel ini umpama istana di jalan lama. Bagi anda yang meminati sukan, gelanggang tenis yang disediakan di tingkat tiga hotel ini tidak akan membuatkan anda kesal. Pasti suatu pengalaman yang menyeronokkan jika dapat mengadakan satu perlawanan tenis di kawasan yang paling tua di Beijing.

Restoran di hotel ini khusus menawarkan juadah Guangdong yang amat istimewa. Makanan laut merupakan hidangan utama di restoran ini. Tanpa keluar dari hotel anda boleh menikmati masakan Guangdong yang tulen. Namun, harga makanan di restoran ini mahal.



Maklumat Berguna Tentang Hotel Guxiang 20

Kadar Sewa Bilik: Bilik Mewah: RMB 4880 Bilik Mewah Katil Bersaiz King: RMB 1280 Bilik Mewah Katil Bujang: RMB 980 (Perkhidmatan Wifi percuma disediakan.)

Alamat: No.20 Jalan Nanluogu , Daerah Dongcheng, Beijing **Telefon:** 86-10-64005566



Makan Membeli-belah dan Bersuka Ria

Jalan Nanluoguxiang terkenal dengan kedai-kedai kecil yang istimewa. Kedai-kedai tersebut bukan sahaja menjual barang-barang tradisional China seperti kraf tangan, terdapat juga kedai-kedai makanan yang boleh memenuhi cita rasa pelancong dari seluruh dunia. Jika anda memilih Hotel Guxiang 20, anda boleh bersiar-siar sepanjang hari di jalan tersebut dan membeli-belah di kedai yang paling anda sukai.

Kedai Keju Wenyu

Kedai Keju Wenyu merupakan kedai desert yang paling awal dibuka di Jalan Nanluoguxiang. Kedai ini menjual keju China dan pelbagai jenis makanan tenusu. Walaupun dibuat daripada susu, namun berbeza dengan keju barat, keju tradisional China ini rasanya seperti yogurt. Anda boleh memilih jenis-jenis keju yang anda suka. Makanan yang paling laris ialah keju kacang, keju coklat dan keju madu.



Restoran Passby

Hampir semua orang di dunia suka makan pizza. Peminat pizza di pelbagai negara di dunia juga mencipta resipi yang sesuai dengan cita rasa tersendiri. Pernah tak anda mencuba pizza yang bercirikan cita rasa Cina? Restoran ini terkenal dengan pizza Ayam Kong Pao dan pizza sate kambing. Pizza Cina ini pasti menjadi kenangan manis anda dalam lawatan di Beijing.



Dapur Suzuki

Daripada nama restoran ini, anda pasti tahu restoran ini merupakan restoran makanan Jepun. Namun, berbeza dengan restoran makanan Jepun lain yang mewah, restoran ini menghidangkan masakan biasa keluarga Jepun. Harganya pula sederhana. Hidangan yang paling laris di sini ialah ayam goreng dan salad.

Kedai Kopi Sankeshu

Nama kedai ini juga dikenali sebagai “tiga batang pokok”, kerana terdapat tiga batang pokok terdapat di depan pintu kedai ini. Sepanjang hari, jalan Nanluoguxiang ini dipenuhi dengan pelancong, namun Kedai Kopi Sankeshu merupakan kedai yang paling tenang di kawasan ini. Jika anda letih bersiar-siar atau membeli-belah, anda boleh berehat seketika di kedai ini.



Kedai Makan Rumah Juer

Kedai makan ini merupakan restoran di kawasan Nanluoguxiang yang paling disukai ramai. Kedai ini menjual hanya nasi daging dan harganya RMB25 sahaja. Tetapi anda boleh meminta nasi dan daging tambah dan makan sehingga kenyang. Kedai ini dibuka oleh pasangan isteri suami tua. Sejak dibuka 10 tahun yang lalu, kedai ini menjadi kedai yang paling popular dan paling murah di kawasan ini. Jika anda ingin berlatih pertuturan bahasa Mandarin, datanglah ke sisi, berbual-bual dengan pasangan yang baik hati dan peramah ini.



Mao Live House

Bar muzik ini disukai oleh golongan muda-mudi China yang menggemari muzik rock. Mereka akan berkumpul di bar ini pada setiap malam untuk mendengar persembahan muzik Metal dan Punk, sambil minum.



Kedai Cerita Mancis Api

Kedai ini yang menjual mancis api? Salah! Ia merupakan kedai fesyen yang terkenal di Jalan Nanluoguxiang. Anda boleh mencari cawan yang cantik, atau buku nota yang comel di kedai yang kecil ini. Anda tidak boleh melepaskan peluang untuk mencari barangan yang bergaya di kedai ini.

Kedai Chuangketie

Kedai ini menjual barang-barang yang amat popular pada zaman 1980-an hingga 1990-an di China. Selain itu, kemeja T yang bergambar tulisan Mandarin, tokoh-tokoh China dan luar negara dan juga corak-corak lain yang menjadi topik hangat di China terdapat di sini. Pelancong dari luar negara amat suka membeli kemeja T di kedai ini, kerana kemeja T tersebut bukan sahaja menampilkan gaya budaya tradisi China, tetapi juga menunjukkan kemodenan China pada masa kini.



Dari Nanluoguxiang ke tempat pelancongan yang lain di Beijing

Nanluoguxiang terletak di tengah-tengah bandar Beijing. Oleh itu, amat mudah ke tempat pelancongan di bandar ini.



Jalan Bar di kawasan Houhai.

Anda boleh berjalan kaki ke kawasan pelancongan Houhai, iaitu satu kawasan hiburan yang amat popular di Beijing. Di sekeliling tasik Houhai, terdapat banyak bar dan kedai makan. Anda dapat menikmati keindahan tasik sambil menikmati persembahan dan hidangan yang enak. Jika tidak mahu berjalan kaki, anda juga boleh menyewa basikal untuk mengelilingi dan menikmati pemandangan kawasan yang amat cantik ini. 图

Selain itu, Nanluoguxiang berdekatan dengan kereta api bawah tanah stesen NANLUOGUXIANG di laluan 6. Dengan menggunakan kereta api bawah tanah laluan 6, anda boleh mengunjungi Taman Beihai di stesen BEIHAI NORTH. Anda juga boleh bertukar ke laluan 5 dan turun di stesen Tiantandongmen, iaitu pintu timur Taman Tianan untuk melawat taman tersebut, atau anda boleh turun di stesen YONGHEGONG untuk melawat Kuil Buddha Lama yang termasyhur di Beijing. Selain itu, sistem kereta api bawah tanah Beijing yang amat mudah, membolehkan anda bertukar dari laluan 5 ke laluan 2 di stesen Chongwenmen jika ingin melancong ke Dataran Tiananmen, Kota Larangan Beijing, dan destinasi-destinasi yang lain di kawasan tersebut.



Kota Larangan Beijing.

Opera Beijing

Khazanah Kebudayaan Bangsa China

oleh: **Xian Dazhong**

Pada mata orang biasa, Opera Beijing hanyalah bunyi bising loceng dan gendang, atau nyanyian yang bernada tinggi, atau pun pergantian kostum yang berwarna-warni. Namun Opera Beijing bukan sekadar opera sahaja, ia lebih dikenali sebagai opera kebangsaan China malah gambaran hidup tentang perwatakan manusia yang berbeza-beza, iaitu yang cantik mahupun yang hodoh, yang berbudi bahasa mahupun yang jahat lagi kejam, dan yang jujur mahupun yang licik.

Opera Beijing yang sudah pun bersejarah selama lebih dua ratus tahun disifatkan sebagai khazanah kebudayaan kebangsaan yang tiada tandingan.

Seawal zaman pemerintahan Raja Qianlong Dinasti Qing, iaitu lebih kira-kira 220 tahun yang lalu, baginda menunjukkan minat yang besar terhadap opera tempatan ketika mengadakan tinjauan ke beberapa tempat di bahagian selatan China. Bagi memenuhi minat yang tersemai sepanjang enam kali kunjungan ke selatan untuk tujuan melancong atau tinjauan kerja, baginda menitahkan rombongan-rombongan opera tempatan itu supaya datang ke Beijing bagi menyajikan persembahan khas sempena hari keputeraan ke-80 baginda.

Setelah rombongan dari provinsi Anhui membawa Opera Hui ke Beijing, Opera Qin yang paling disukai penduduk Beijing pada waktu itu dikalahkan oleh Opera Hui. Maka ramai seniman Opera Qin menyertai rombongan Opera Hui untuk mempelajari opera yang

lebih popular itu. Ini turut menghasilkan opera yang menggabungkan ciri-ciri Opera Hui dengan Opera Qin.

Disebabkan Opera Hui semakin mendapat sambutan baik, kian ramai rombongan dan seniman opera itu datang ke Beijing. Opera Kunqu yang juga amat popular di Beijing itu pun semakin suram, dan ramai seniman Opera Kunqu juga menyertai Opera Hui.

Pada zaman pemerintahan Maharaja Daoguang, zaman Dinasti Qing, rombongan opera dari provinsi Hubei datang ke Beijing. Mereka berjaya menghasilkan sejenis opera baharu iaitu Opera Pihuang dengan menggabungkan Opera Hui dengan Chudiao serta dialek Beijing. Oleh sebab rombongan seniman itu selalu pergi ke Shanghai untuk membuat persembahan, orang Shanghai memanggil opera yang dari Beijing itu sebagai Opera Beijing. Inilah asal usul Opera Beijing.

Jika anda berpeluang melancong ke China

khususnya bandar Beijing, jangan lupa menonton Opera Beijing, sama seperti menonton opera waktu melancong ke Itali.

Persembahan Opera Beijing gabungan pelbagai bentuk seni seperti menyanyi, berdialog, berlakon, dan akrobatik.

Menyanyi bermaksud penyampaian perasaan watak tertentu dengan tepat dalam nyanyian yang bernada tinggi rendah. Berdialog bermaksud penyampaian dialog dengan jelas. Berlakon bermaksud semua aksi dalam persembahan, contohnya membuka atau menutup pintu walaupun tiada pintu yang sebenar di pentas. Manakala akrobatik pula bermaksud permainan wushu atau kungfu, kerana terdapat banyak watak dalam Opera Beijing yang pandai berkungfu.

Berbanding dengan nyanyian dan lakonan yang istimewa, solekan muka dan kostum pelakon sepanjang persembahannya, turut menarik minat penonton asing.

Terdapat watak yang tak terkira jumlahnya dalam Opera Beijing. Setiap watak masing-masing memakai solekan muka yang berbeza-beza. Solekan-solekan yang berwarna-warni itu sebenarnya dilukis berdasarkan sifat-sifat lazim perwatakan yang tertentu. Dari rupa dan warna solekan muka, para penonton boleh memahami ciri-ciri watak itu, mengetahui pengalaman yang telah diharunginya, bahkan membayangkan nasibnya. Selain itu, penggunaan solekan muka juga boleh membantu si pelakon melakonkan wataknya dengan lebih sempurna. Contohnya, solekan muka yang berwarna merah untuk Guan Gong (Kuan Kung), menggambarkan jeneral itu yang taat setia dan gagah berani; solekan muka yang berwarna hitam untuk Bao Zheng yang melambangkan pegawai itu adil dan jujur; manakala watak Cao Cao, menteri yang licik dan jahat memakai solekan muka yang berwarna putih.

Kostum Opera Beijing terdiri daripada

lima kategori, iaitu Mang, Kao, Pei, Zhe dan Yi. Jubah Mang untuk raja, permaisuri, menteri, jeneral dan gundik. Kao merujuk kepada baju besi yang biasanya dipakai oleh pegawai tentera. Zhe pula bermaksud pakaian harian biasa.

Pelakon watak dalam Opera Beijing dibahagikan kepada empat jenis mengikut jantina, perwatakan, umur dan kedudukan dalam masyarakat, iaitu Sheng, Dan, Jing serta Chou.

Sheng, ialah panggilan untuk pelakon yang melakonkan watak lelaki. Antaranya, watak lelaki yang tua dipanggil Lao Sheng, watak lelaki yang muda disebut Xiao Sheng, manakala Wu Sheng bermaksud watak yang pandai kungfu.

Watak wanita disebut Dan, termasuk Zheng Dan (wanita dewasa), Hua Dan (gadis yang suka bergurau dan lucu), Wu Dan (wanita yang pandai berkungfu), Lao Dan (wanita tua) dan sebagainya.

Jing biasanya digunakan untuk watak jeneral, dewa-dewi atau mereka yang berpangkat tinggi.

Chou yang juga disebut Xiao Hua Lian merupakan watak yang lucu, seperti badut dalam pertunjukan sarkas.

Oleh sebab kaum wanita yang mempunyai kedudukan rendah dalam masyarakat pada masa dahulu, kebanyakan watak wanita dalam Opera Beijing dilakonkan oleh lelaki. Sehingga awal abad ke-20, perkembangan Opera Beijing mencapai puncaknya dan ia menjadi hiburan yang paling popular di Beijing, Tianjin dan beberapa bandar yang lain. Pada masa itu, empat orang artis lelaki yang melakonkan watak wanita, iaitu Mei Lanfang, Shang Xiaoyun, Cheng Yanqiu dan Xun Huisheng, telah berjaya mencipta gaya dan aliran persembahan tersendiri. Keempat-empat aliran ini masing-masing dinamakan dengan nama keluarga keempat-empat artis tersohor tersebut. [1]



Sheng



Dan



Jing



Chou



Jom Menonton Opera Beijing di Bandar Beijing

Pada masa sekarang, walaupun sudah kehilangan kedudukan utamanya berikutan budaya hiburan popular, namun Opera Beijing tetap dilihat sebagai kesenian yang unggul. Jika berpeluang melancong ke bandar Beijing, apa kata anda berbelanja beberapa puluh hingga beberapa ratus yuan untuk menonton persembahan Opera Beijing. Menghabiskan waktu malam dengan cara ini pasti akan dianggap amat bergaya.

Beberapa Pilihan Lokasi Persembahan Opera Beijing:

1. Panggung Agung Chang'an di timur Jalan Chang'an
2. Panggung Opera Mei Lanfang di persimpangan Jalan Lingkaran ke-2 Barat dan Jalan Ping'an
3. Rumah Huguang di barat daya persimpangan jalan Hufangqiao.
4. Rumah Teh Laoshe, berdekatan dengan Lapangan Tiananmen





Etnik Uygur yang berjumlah lebih 9.87 juta orang berdasarkan keputusan banci penduduk ke-6 pada tahun 2010, tinggal secara berkelompok di Wilayah Autonomi Uygur Xinjiang, dengan kebanyakan mereka menetap di sebelah selatan Gunung Tianshan di wilayah itu.

Etnik yang Beragama Islam di China

Etnik Uygur

oleh: Zhou Qiaoli

Kajian sejarah mendapati bahawa sejak abad-3 SM, orang etnik Uygur adalah penggembala. Mereka memelihara kambing dan lembu dan berhijrah dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain. Selepas tahun 840, sebahagian penduduk etnik Uygur berhijrah ke kawasan Xinjiang, China dan kawasan Asia Tengah. Mereka mempelajari teknik penanaman daripada penduduk asli di kawasan terbabit.

Dalam sejarah China, Xinjiang merupakan kawasan penanaman kapas yang paling awal. Pada abad ke-5 hingga ke-6, orang etnik Uygur sudah menanam kapas. Memelihara ulat sutera dan menggunakan teknologi menghasilkan benang sutera daripada kepompong ulat sutera juga merupakan kejayaan besar etnik Uygur.

Orang etnik Uygur pernah menganut beberapa agama sebelum agama Islam disebarkan ke Xinjiang. Bermula pada akhir abad ke-12, penduduk etnik itu mula menganut agama Islam yang turut menjadi agama pilihan bagi etnik ini serta telah memainkan peranan penting dalam bidang politik, ekonomi dan kebudayaan etnik ini.

Permaidani merupakan produk kraf tangan terkenal etnik Uygur. Kemahiran melukis, mengukir, menenun dan menyulam permaidani etnik ini sangat tinggi tarafnya dan mendapat sambutan baik di China.

Masjid Eidgah yang terletak di bandar Kashgar, kawasan penempatan etnik Uygur merupakan masjid yang terbesar di China. Masjid itu dibina pada tahun 1450 hingga 1456 dan pernah banyak kali diperbaiki dalam pelbagai dinasti. Seni bina masjid yang terletak di kawasan seluas hampir satu hektar itu bercorak Timur Tengah. Bangunan masjid itu termasuk pintu gerbang, dewan sembahyang dan bilik membaca Al-Quran. Masjid itu boleh menampung lapan ribu orang sembahyang berjemaah dalam satu-satu masa.

Makanan utama bagi etnik Uygur seperti tepung gandum, daging

kambing, susu, dan sayur-sayuran. Etnik Uygur kaya dengan pelbagai jenis makanan utama, termasuk pau panggang, nasi goreng, roti nan, mi rebus, mi goreng dan lain-lain, selain kambing panggang dan sate kambing etnik itu yang turut popular di seluruh China. Penduduk etnik Uygur suka minum teh atau teh susu.

Etnik Uygur mempertahankan amalan perkahwin sekali sahaja semurhidup. Kaum wanita etnik ini tidak boleh bernikah dengan lelaki yang tidak beragama Islam. Tetapi lelaki etnik Uygur boleh menikahi perempuan etnik lain yang bukan beragama Islam, dengan syarat perempuan itu perlu menganut agama Islam.

Etnik Uygur meraikan pelbagai perayaan, seperti umat Islam di negara lain, termasuk Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha dan Nowruz. Sempena hari raya, orang etnik Uygur mengadakan pelbagai aktiviti sambutan yang meriah. 🎉



Masjid Guilin

oleh: Xu Guowei

Masjid Guilin terletak di Jalan Ximenwai Bandar Guilin, Wilayah Autonomi Zhuang Guangxi, China. Masjid itu dibina pada abad ke-12. Pada tahun 1661 hingga 1664 Masihi, Ma Xiong, komander kawasan Guangxi yang berasal dari provinsi Ningxia dan merupakan penganut Islam yang warak telah menderma wang untuk memperluas masjid dan membina semula ruang sembahyang masjid tersebut.

Masjid Guilin bercirikan seni bina tradisional Cina. Menurut buku Seni Bina Islam China, ruang sembahyang Masjid Guilin merupakan salah sebuah ruang sembahyang yang paling besar di China.

Semasa perang antipencerobohan tentera Jepun pada pertengahan abad ke-20, bandar raya Beijing telah diduduki oleh pasukan tentera Jepun. Maktab Chengda, sekolah agama Islam yang terkenal di China terpaksa dipindahkan ke bandar Guilin dari Beijing. Seramai 500 orang penuntut dan pensyarah yang dipimpin oleh Ma Songting, seorang imam yang tersohor meneruskan pengajian tentang agama Islam di masjid Guilin tersebut. Pada November 1944, bandar Guilin diceroboh pasukan tentera Jepun dan Masjid Guilin musnah dalam peperangan tersebut.

Setelah China memenangi perang antipencerobohan tentera Jepun, umat Islam tempatan Guilin mengumpulkan derma dan membina semula ruang sembahyang tersebut pada tahun 1947. Selain itu, Sekolah Pengajian Bahasa Arab Guangxi juga ditubuhkan di Masjid Guilin.

Apabila Republik Rakyat China ditubuhkan pada tahun 1949, pihak berkuasa berusaha melindungi Masjid Guilin. Pada tahun 1979, umat Islam tempatan mengumpul derma atas anjuran Persatuan Islam Guilin untuk membina semula masjid utama di bandar berkenaan. Pada masa ini, kira-kira 4,500 orang penduduk yang beragama Islam tinggal secara berkelompok di sekitar Masjid Guilin. 🕌



wǒ xiǎng qù Guì Lín qīng zhēn sì , xiè xiè .
我想去桂林清真寺, 谢谢。
(Saya nak pergi ke Masjid Guilin.)


dì zhǐ: guì lín shì mín zú lù táo huā jiāng pàn .
地址: 桂林市民族路桃花江畔。
(Add: tepi Sungai Taohua, Jalan Minzu, bandar Guilin.)




Sejak soal selidik dianjurkan oleh Kembara Sutra keluaran Julai lalu, sidang editor telah menerima banyak jawapan. Kami mengucapkan terima kasih kepada semua pembaca budiman yang mengikuti soal selidik itu, dan anda dialu-alukan terus mengikuti kuiz atau soal selidik yang bakal diadakan.

Berikut adalah senarai sepuluh orang pembaca yang bertuah. Mereka akan mendapat peta pelancongan tempat-tempat peranginan di bandar raya Beijing sebagai cenderamata dari Kembara Sutra.

1. Hazwan Shamsul, Selangor, Malaysia.
2. Zurina Hashim, Selangor, Malaysia.
3. Matthis Fabian Alexander, Selangor, Malaysia.
4. Nina Jiwana Md. Husni, Selangor, Malaysia
5. M. Jayadi, Lombok Timur, Indonesia
6. Nelfida, Sumatra Barat, Indonesia
7. Dwi Budhi Rahardjo, Jateng, Indonesia
8. Syahrul Anuar Md Akhiar, Melaka, Malaysia
9. Kho Chiew Tong, Pulau Pinang, Malaysia
10. Mohd Nizam, Johor, Malaysia



Kempen Hijau!



桂林 Guilin

Laman sesawang: <http://malay.cri.cn>

E-mel: mal@cri.com.cn

Facebook: www.facebook.com/crimalay